

**MESYUARAT PENGURUSAN PENDIDIKAN KPPM**

7 dan 8 Januari 2010

Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok E8,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

*Bismillahir rahmanir rahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera*

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijrah 1431 dan Tahun Baru 2010. Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri kerana dapat menghadirkan diri ke mesyuarat khas kita pada kali ini.
2. Perjumpaan kita pada kali amat bermakna kerana tahun 2010 ialah tahun akhir pelaksanaan PIPP dan dalam masa yang sama kita diamanahkan untuk membuat tranformasi kurikulum serta pelaksanaan MBMMBI.
3. Kementerian Pelajaran sememangnya memikul tanggungjawab dan amanah yang menjadi begitu kompleks dan mencabar. Tugas di Kementerian Pelajaran memerlukan suatu pendekatan yang berbeza untuk dilaksanakan agar negara dapat bergerak seiring dengan perubahan pantas yang berlaku di sekeliling dan pada peringkat global.

Peter F. Drucker ada berkata,

*“Every few hundred years...there occurs a sharp transformation...”*

dalam buku *Post Capitalist Society* (1993), ada menyebut,

*“Within a few short decades, society rearranges itself – its world view; its basic values; its social and political structures; its arts; and its key institutions.”*

## **PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN - PIPP**

4. Atas kesedaran ini, Kementerian Pelajaran telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia 2006 – 2010. Pelan ini adalah komprehensif dan holistik, serta boleh dilaksanakan untuk memastikan modal insan yang dibangunkan dapat memenuhi hasrat dan cabaran pada masa kini dan akan datang. Melalui Pelan ini, jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kementerian Pelajaran untuk menyediakan asas-asas yang kukuh dalam sistem pendidikan negara sepanjang tempoh lima tahun sebelum reformasi sepenuhnya terhadap sistem pendidikan negara dapat dilaksanakan. Perkembangan PIPP adalah berdasarkan pada pencapaian indikator prestasi utama (KPI) yang digunakan sebagai kaedah bagi memantau dan menilai segala usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian.

5. Secara keseluruhannya, pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan telah berjalan lancar dan hampir mencapai sasarannya, saya percaya masih ada lagi program dan projek dalam Pelan Induk ini yang perlu kita perkemaskan dan melakukan penambahbaikan. Sehingga kini, prestasi pencapaian pelaksanaan dalam PIPP bagi setiap Teras Utama telah berjaya ditingkatkan. Pada dasarnya, pelaksanaan hampir 300 pelan tindakan bagi keenam-enam Teras telah berjaya mencapai 80 hingga 100 peratus sasaran seperti dirancang.

6. Walau bagaimanapun, untuk pelan tindakan yang masih belum mencapai sasaran, setiap Bahagian di KPM yang bertanggung jawab PERLU terus berusaha bagi memastikan segala kesulitan atau masalah di atasi dan matlamat PIPP dapat dicapai menjelang akhir 2010.

7. Salah satu kejayaan yang dapat dibanggakan ialah KPM sedang merintis pelaksanaan transformasi pendidikan di 500 buah sekolah rendah di seluruh negara. Transformasi kurikulum ini merupakan usaha Kementerian untuk mengubah pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) supaya lebih berpusatkan murid dan berorientasikan tema dan modular. Kurikulum ini akan dilaksanakan pada tahun 2010 untuk murid Tahun 1 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah rendah yang dilaksanakan sejak 1981.

8. Kurikulum baru ini akan melibatkan pelbagai bentuk perubahan dan antaranya merubah peranan guru supaya lebih bersifat multispecialist. Kurikulum ini juga memberi tumpuan yang lebih serius terhadap kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, mementingkan amalan inovasi dan daya keusahawanan merentas kurikulum.

9. KPM berhasrat untuk memberi penekanan penggunaan standard kandungan bagi menentukan apa yang murid perlu pelajari dan apa yang murid boleh buat (*what students should know and able to do*). Oleh itu, guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran di samping mempunyai nilai serta etika keguruan yang tinggi supaya dapat melaksanakan transformasi kurikulum dengan lebih cekap dan berkesan.

10. Selaras dengan transformasi kurikulum tersebut, KPM telah membangunkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bagi menilai aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi secara bersepadu. Melalui sistem ini, Kementerian dapat mentaksir pencapaian akademik dan penguasaan pengetahuan murid dan pada masa yang sama dapat mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang. Selain dari aspek kognitif yang dinilai, SPPK ini

juga menilai aspek kebolehdidikan (*educability*), kebolehlatihan (*trainability*), kebolehkerjaan (*employability*) dan kebolehpasaran (*marketability*).

**11.** Teras merapatkan jurang pendidikan amat penting kerana KPM berhasrat untuk mengurangkan pengasingan sosial dan mengelakkan berlakunya ketidaksamarataan sosial pelbagai kaum di negara. Kementerian Pelajaran telah mengemukakan pelbagai program secara bersepadu dan di antaranya termasuklah melengkapkan sekolah dengan infrastruktur dan infostruktur; meningkatkan pendidikan guru dan latihan yang menekankan kemahiran teknologi maklumat; peluang pembelajaran elektronik dan jarak jauh; serta menyediakan sumber pembelajaran digital agar murid dapat mengambil kesempatan untuk mengakses maklumat dan pengetahuan.

**12.** Di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Kementerian Pelajaran mensasarkan pelaksanaan 13,014 projek pembangunan luar bandar yang melibatkan kos RM25.2 bilion. Sehingga Disember 2008, sebanyak 6,386 projek telah berjaya disiapkan. Kerajaan juga memberikan keutamaan kepada penyediaan kemudahan prasekolah untuk kanak-kanak luar bandar termasuk anak-anak orang Asli dan Penan dengan menyediakan 2,348 kelas prasekolah di luar bandar.

**13.** Untuk merapatkan jurang digital pula, Kementerian Pelajaran telah memberikan tumpuan kepada penyediaan infrastruktur, perisian dan latihan ICT dengan mensasarkan pembinaan 2,257 makmal komputer dan 3,600 Pusat Akses di luar bandar. Kesemua projek pembangunan ini akan memberi manfaat kepada lebih 2.8 juta murid di luar bandar.

14. Bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan Malaysia, KPM bukan sahaja menitik beratkan perkembangan pendidikan dalam negara tetapi tumpuan juga diberikan kepada kejayaan murid pada peringkat antarabangsa. Program ini adalah penting dan menyumbang kepada penyediaan generasi murid yang lebih kompetitif, berketrampilan dan mampu bersaing pada peringkat global. Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif pengantarabangsan pendidikan dan hasilnya ialah kejayaan murid Malaysia dalam pertandingan bercorak akademik dan kokurikulum pada peringkat antarabangsa.

#### **MENGENAI PELAKSANAAN NKRA – NATIONAL KEY RESULT AREA**

15. Semua ketua jabatan hendaklah memahami isi kandungan berkaitan NKRA dan dapat menterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan, menyebarkan maklumat berkaitan NKRA kepada PPD dan pengurus Sekolah serta semua warga pendidik dan kumpulan sasaran berkaitan serta memastikan kaedah pelaksanaan dapat ditentukan secara sistematik dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan dan intipati NKRA hendaklah dijadikan sebagai KPI semua ketua jabatan di semua peringkat.

16. Saya berharap supaya Dato'-Dato'/Datin dan tuan-tuan dapat memastikan semua maklumat diterima oleh semua kumpulan sasaran dan tidak berlaku ketirisan maklumat dan pemantauan dan penyeliaan secara berterusan hendaklah dilaksanakan di semua peringkat bagi memastikan ianya dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditentukan.

17. Langkah-langkah pencegahan hendaklah segera diambil bagi memastikan semua halangan atau cabaran di tangani dan diatasi, oleh itu laporan berkala hendaklah disediakan dan dihantar ke penyelarassub NKRA diperingkat KPM.

18. Adalah menjadi tugas kita memberi tunjuk ajar dan panduan lengkap dan terkini kepada semua Sekolah di negeri/daerah serta menyalurkan maklumat kepada semua PIBG untuk memberi sokongan dalam bentuk kewangan, perkhidmatan dan lain-lain yang berkaitan serta penglibatan secara aktif ibubapa kepada pihak Sekolah dalam pelaksanaan program-program NKRA di samping memberi pandangan yang bernas untuk penambahbaikan program.

#### **CABARAN MEREALISASIKAN DAN MENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN**

19. Justeru itu, kita hendaklah mula melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan pengurusan dalam terutama dalam pengurusan projek pembangunan dan usaha-usaha mempromosi dasar-dasar sedia, bermula dari peringkat pengurusan sehinggalah ke peringkat pelaksana.

20. Dari aspek **Pengurusan** saya berharap Dato'-Dato', Datin serta tuan-tuan dan puan-puan dapat memberi tumpuan yang lebih kepada **Pengurusan Organisasi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Projek Pembangunan** serta **Pengurusan Teknologi Maklumat**.

21. Dari aspek **Perkhidmatan Teras**, kriteria-kriteria Penggubalan, Pelaksanaan, Pemantauan serta Keberkesanan Dasar/Program berikut perlu ditingkatkan prestasinya.

22. Dan dari aspek **Pengurusan Pelanggan** pula, saya dapati kita berada pada berada pada tahap yang kurang memuaskan, oleh itu usaha-usaha **Promosi, Kepuasan Pelanggan, Pengurusan Aduan** perlu diberi perhatian dan menjadi *priority* kita. Sehubungan itu, saya mahu Dato'-Dato', Datin serta tuan-tuan dan puan-puan melihat semula **Piagam Pelanggan** sedia ada dan membuat penambahbaikan kepada sistem penyampaian di setiap peringkat dengan kadar segera.

#### **PERANCANGAN 2010**

23. Mulai tahun ini setiap Bahagian dan Jabatan hendaklah mengemukakan Perancangan 2010 Bahagian dan Jabatan masing-masing dalam bentuk **Carta Gantt (Gantt Chart)** dan hendaklah diserahkan kepada saya dan salinan kepada Timbalan-Timbalan saya **dalam masa dua minggu**.

24. Pastikan perancangan yang dikemukakan adalah perancangan yang merupakan **core business** Bahagian dan Jabatan dan ini hendaklah termasuk program dan aktiviti yang akan dihadiri oleh Y.A.B Menteri dan pengurusan tertinggi Kementerian.

#### **PERJAWATAN**

25. Tahun 2010 adalah merupakan tahun yang kritikal dari aspek memantapkan pengurusan tertinggi Kementerian kita, kerana sebahagian besar dari pegawai-pegawai kanan akan bersara wajib. Perlu kita akui bahawa kita akan kehilangan pegawai-pegawai yang banyak pengalaman dalam bidang pengurusan pendidikan dan dalam masa yang singkat ini saya berharap pegawai-pegawai yang muda perlu belajar dan menimba ilmu daripada mereka. Pepatah Afrika ada

menyebut "*When an old man dies, a library burns down*" atau "*Apabila seorang tua meninggal, sebuah perpustakaan terbakar*"

26. Usaha-usaha sedang dibuat untuk memastikan pegawai-pegawai yang layak, berwibawa dan mempunyai komitmen yang tinggi, mengisi kekosongan ini. Pelan Penggantian sedang disediakan oleh saya dengan bantuan Timbalan-Timbalan saya. Saya yakin mereka yang akan dipilih nanti akan dapat membantu saya untuk meneruskan usaha bagi mencapai matlamat agenda pendidikan negara.

27. Sehubungan dengan ini juga, saya menyarankan supaya Pelan Penggantian di peringkat Bahagian dan Jabatan Pelajaran Negeri juga disediakan dengan mengenalpasti pegawai-pegawai yang boleh di *groom* untuk mengisi jawatan-jawatan yang akan dikosongkan. Untuk tujuan ini, saya juga ingin sarankan supaya guru-guru serta pengetua-pengetua cemerlang juga diambilkira dalam Pelan Penggantian ini, bukan setakat pegawai-pegawai di Bahagian atau Jabatan atau PPD sahaja.

28. Dalam masa yang sama, sila mantapkan pemilihan Pengetua dan Guru Besar, supaya mereka yang betul-betul berwibawa diamanahkan ke jawatan tersebut.

#### **PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENGURUSAN STRESS**

29. Majoriti dari kita sudah menjangkau umur yang lanjut, maka sudah tentu faktor kesihatan perlu diambil berat. Adalah dimaklumkan bahawa Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, telah mengingat serta menggalakkan semua Pegawai Perkhidmatan Awam yang

berumur 40 tahun ke atas supaya menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa, seperti yang telah dimaklumkan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3, Tahun 2003 (PP 3/2003)**.

**30.** Pegawai yang tidak mematuhi atau enggan menjalani pemeriksaan kesihatan dan kemudiannya didapati menghadapi masalah kesihatan yang serius, adalah dikhuatiri boleh terjejas peluang untuk dinaikkan pangkat.

**31.** Sebagai langkah tambahan Kerajaan juga telah memutuskan semua pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan Tertinggi diwajibkan** menjalani pemeriksaan kesihatan **pada setiap tahun**.

**32.** Saya amat berharap dalam kesibukan kita menjalankan tugas, kita mesti luangkan masa untuk beriadah supaya kita tidak stress. Ada orang kata ***"If taking vitamins doesn't keep you healthy enough, try more laughter"***.

**33.** Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat pada hari ini dan semalam dan terima saya kepada Urusetia mesyuarat serta pegawai-pegawai yang membantu menjayakan mesyuarat kita kali. Marilah kita berdoa bersama-sama agar usaha dan kerja buat kita untuk agenda pendidikan negara direstui dan dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Sekian, dan terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd. Dom**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Putrajaya, 8 Januari 2010

AmerHamidPKhasKPPM.Jan2010

## UNTUK RENUNGAN SEMUA AHLI MESYUARAT

**Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.**

**Hamka**

**Sifat utama pemimpin ialah beradab dan mulia hati.**

**Imam Al-Ghazali**

**I always believe that ultimately, if people are paying attention, then we get good government and good leadership. And when we get lazy, as a democracy and civically start taking shortcuts, then it results in bad government and politics.**

**Barack Obama**

**Twenty years from now you will be more disappointed by the things you didn't do than by the ones you did do. So throw off the bowlines. Sail away from the safe harbor. Catch the trade winds in your sails. Explore. Dream. Discover.**

**Mark Twain**